



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**(PETRA)**

**PERUNTUKAN RM9.46 JUTA DILULUSKAN UNTUK PELAKSANAAN**  
**52 PROJEK CAKNA MADANI DI SARAWAK**

**MIRI, 4 JULAI 2026** – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) terus komited memperkukuh usaha mitigasi banjir menerusi inisiatif pelaksanaan 52 Projek Cakna MADANI iaitu projek *low hanging fruits* yang dijangka memberi manfaat segera kepada rakyat di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM9.46 juta di bawah *Rolling Plan 1 (RP1)*, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) Tahun 2026. Daripada jumlah tersebut, 12 projek telah siap, 13 projek sedang dalam pelaksanaan, manakala 27 projek berada di peringkat pra-pelaksanaan.

YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), hari ini telah meninjau pelaksanaan Kerja-Kerja Penstabilan Tebing Sungai di Tanah Perkuburan Tab Cinaq, Miri, Sarawak, yang merupakan salah satu Projek Cakna MADANI.

Projek bernilai RM134,682.00 ini telah bermula pada Mei 2026 dan dijangka siap sepenuhnya pada November 2026. Skop utama projek melibatkan pembinaan *gabion wall* sepanjang 50-meter bagi menstabilkan tebing sungai, mengurangkan hakisan, serta melindungi infrastruktur dan kawasan tanah perkuburan daripada risiko runtuh tebing.

Dalam lawatan yang sama, YAB Timbalan Perdana Menteri turut mendengar taklimat dan meninjau kemajuan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Miri, Lembangan Sungai Miri, Sarawak dengan kos projek keseluruhan RM31 juta.

Kerja-kerja fizikal projek telah dimulakan pada Oktober 2023. Sehingga kini, kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 58.11%, dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada November 2026.

Skop projek RTB Sungai Miri meliputi penyediaan perkhidmatan perunding, kerja awalan, pengalihan utiliti, pembinaan komponen tebatan banjir seperti *tide wall*, kolam takungan, naik taraf sistem saliran, pembinaan rumah pam, pintu kawalan banjir dan sistem perangkap sampah, selain pemasangan sistem mekanikal dan elektrik serta pengurusan projek.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan melalui PETRA telah meluluskan pelbagai projek tebatan banjir dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM3.834 billion bagi pelaksanaan 29 projek di Sarawak.

Kerajaan Persekutuan sentiasa bertekad untuk memperkukuh daya tahan negara terhadap risiko banjir melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan kemampanan, kesejahteraan dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**4 Julai 2026**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

